BULETIN SUK PERAK

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Perak

Bil. 1/2020

Tourism perak MALAYSIA

DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK

Berangkat ke MAJLIS MAKAN MALAM PENAJA

WCIT2020

6TH WORLD CONFERENCE ON ISLAMIC THOUGHT & CIVILIZATION

IPOH, 4 FEBRUARI 2020 – DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Penaja Dan Pelancaran *The 6TH World Conference on Islamic Thought and Civilization* (WCIT 2020) di Casuarina@Meru, di sini, hari ini.

Keberangkatan baginda turut diiringi oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu; YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; Pro Canselor Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), YBhg. Tan Sri Dr Mohd Zahidi Zainuddin dan Naib Canselor USAS, YBhg. Tan Sri Nordin Kardi.

Terdahulu, melalui sembah ucapan YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu berkata, WCIT 2020 merupakan peluang kepada para ilmuan merungkai salah dan silap umat Islam pada masa kini.

"Persidangan WCIT2020 ini wajar dijadikan medan kepada para ilmuan untuk merungkai di manakah salah dan silapnya umat Islam masa kini sehinggakan imej Islam sebagai agama sejahtera dan relevan sepanjang zaman, semakin terhakis", katanya.

Beliau juga berharap agar WCIT2020 ini akan membuahkan hasil dalam mengembalikan Islam sebagai agama Rahmatan lil 'Alamin di dunia dalam mengharungi perubahan drastik geopolitik dunia, penyebaran wabak penyakit serta ancaman perubahan iklim yang jelas lagi nyata.

"Slogan-slogan retorik dan penampilan semata-mata tidak akan menyelesaikan masalah. Sebaliknya, ia menuntut kepada kita untuk kembali kepada asas-asas Islam yang sebenar dalam merangka penyelasaian", ujar YAB Menteri Besar Perak.

Bertemakan "*Sharing Our Humanity* (Perkongsian Tentang Kemanusiaan", penganjuran WCIT kali ini melibatkan 23 penaja antaranya Kerajaan Negeri Perak, Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPnP), *Menteri Besar Incorporated (MB Inc),Perak State Secretary Incorporated* (SSI), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (MAIPk), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (PKEINPk) serta *Perak Investment Management Centre* (Investperak).

Selain itu, turut menaja adalah Lumut Maritime Temrinal Sdn Bhd, Kumpulan MajuPerak Holdings Berhad, Lembaga Air Perak (LAP), TNB Perak, Bank Islam Malaysia Berhad, PROTON Edar Sdn Bhd, Bank Rakyat, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), EFS Worldwide, Perak Tourism Management Berhad, Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd, Telekom Malaysia Berhad Perak, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.

WCIT2020 yang juga merupakan penganjuran kali ke-6 oleh USAS dilaksanakan bagi mencari penyelesaian yang pragmatik dan praktikal terhadap masalah sosio ekonomi, sosiopolitik, sosio-agama dan sosio budaya yang sedia ada.

5 FOKUS UTAMA EXECUTIVE TALK 2020 dan Amanat Tahun Baharu YAB MENTERI BESAR PERAK

IPOH, 21 JANUARI 2020 – Sempena Executive Talk dan Amanat Tahun Baharu 2020, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu menekankan lima aspek yang perlu diberi fokus sepanjang tahun 2020.

Kesemua lima fokus ini juga merupakan kunci kepada perancangan yang mampan untuk Rancangan Pembangunan Perak Darul Ridzuan 2021-2025 (RPP21-25). Lima fokus tersebut adalah seperti berikut:-

1. *Rethink* (Menilai, Muhasabah, Menganalisa);

YAB Menteri Besar Perak meminta semua jabatan dan agensi masing-masing untuk memberi penekanan bagi mengkaji semula kaedah dalam merancang pelan pembangunan.

"Kita perlu melihat kepada *learning curve* daripada semua projek di bawah Rancangan Malaysia ke-11.

"Kita akan meneruskan projek-projek yang memberi impak positif kepada rakyat. Bagi projek yang kurang berjaya pula, kita mesti memikirkan pendekatan baru" kata beliau.

2. *Big Data* (Penggunaan Data Raya);

YAB Menteri Besar Perak berkata penggunaan data raya sebagai asas dalam merancang sesuatu projek adalah penting supaya setiap perancangan jabatan dan agensi selaras berpandukan proses Membuat Keputusan Berpandukan Data *(Data Driven Decision Making)* dan juga *Evidence-Informed Decision Making.*

"Kita yakin, kepimpinan baru Institut Darul Ridzuan akan memulakan usaha menggerakkan agenda Nexus Perak bagi memacu inisiatif ini. "Kerajaan akan mampu merangka dasar, perancangan dan projek berdasarkan data-data yang komprehensif bagi meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat," tambah beliau.

3. Memperkasa Sistem Penyampaian Melalui Inisiatif Digital;

YAB Menteri Besar Perak berharap kerajaan negeri akan terus memperkasakan sistem penyampaian melalui inisiatif digital bagi memastikan akses kepada rakyat dapat terus dipertingkatkan.

Beliau turut menjadikan MYBank milik Jack Ma sebagai contoh yang mampu mencipta satu aplikasi membolehkan semua transaksi dibuat di hujung jari dan selesai dalam masa hanya tiga minit.

Dengan itu, beliau berharap kerajaan negeri dapat memanfaatkan teknologi untuk terus mempermudahkan urusan rakyat.

4. *Take Pride and Take Ownership* (Berbangga dengan pekerjaan yang dilakukan dan bertanggung jawab dengan keputusan yang kita ambil);

YAB Dato' Seri Ahmad Faizal menyeru semua penjawat awam supaya mengamalkan prinsip *take pride dan take ownership* dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

"Ini bukan bermakna kita berbangga diri dengan jawatan kita, tetapi berbangga dengan amanah yang kita pikul" ujar beliau.

Dalam ucapannya, beliau turut menjadikan rakyat Jepun sebagai contoh apabila mereka bekerja dengan begitu bersungguh-sungguh kerana mereka dapat berkhidmat untuk negara, biarpun di kalangan pekerja yang berjawatan rendah.

5. Tindakan Bersama Tangani Perubahan Iklim;

YAB Menteri Besar Perak menuntut komitmen semua pihak bagi menjayakan *Perak Green Plan* dalam usaha menangani perubahan iklim yang dialami masa kini.

"Saya berharap setiap jabatan, agensi, GLC, dan badan berkanun akan berganding bahu dalam merealisasikan agenda *Perak Green Plan* demi masa depan anak-anak pewaris negeri ini," kata beliau.

Di penghujung ucapannya, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu menyeru kepada semua pihak, para pemimpin dan penjawat awam agar mengenepikan segala perbezaan dalam usaha menjadikan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk terus gemilang.

"Sepanjang tahun 2019 dengan bersatu niat, bersatu hati, bersatu cita-cita, bersatu dalam tindakan, kita telah Berjaya melakar pelbagai pencapaian dan kejayaan.

Di tahun 2020 ini marilah kita sama-sama memastikan diri kita terus bertekad, terus cekal, terus tabah, dalam menggalas segala amanah, demi rakyat, kerana Allah," ujarnya.

DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK

GESA KOMITMEN SEMUA TANGANI ISU PERUBAHAN IKLIM

KUALA KANGSAR, 3 MAC 2020 – DYMM Paduka Seri Sultan Perak hari ini bertitah agar semua pihak mengambil inisiatif serta tidak menangguhkan usaha dalam menangani isu perubahan iklim serta menjamin kelestarian alam sekitar.

Prihatin akan isu pemanasan global dan perubahan iklim dihadapi dunia ketika ini, DYMM Paduka Seri Sultan Perak bertitah agar tindakan adaptasi dan tindakan mitigasi perlu dirintis dan dilaksanakan secara serius.

"Keadaan bertambah meruncing dengan berlakunya pelbagai projek pembangunan yang melibatkan kawasan tanah gambut, pembalakan yang tidak terkawal, pembakaran berskala besar, arang batu, petroleum dan bahan bakar fosil.

"Setiap minit tertangguhnya usaha menangani isu alam sekitar, meningkatkan ancaman terhadap kehidupan, kesihatan dan masa hadapan alam," titah baginda ketika merasmikan Hari Landskap Negara Perak Darul Ridzuan di Laman Budaya, hari ini.

Mengiringi keberangkatan baginda adalah DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim. Turut berangkat, DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar Raja Muda Musa; DYTM Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan, Raja Nazhatul Shima Sultan Idris A'fifullah Shah, DYAM Raja Dihilir Perak Darul Ridzuan, Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris A'fifullah Shah.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin DTato' Azumu; YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Tuan Azmir Shah bin Zainal Abidin serta barisan EXCO Kerajaan Negeri.

Selain itu, DYMM Paduka Seri Sultan Perak turut menarik perhatian terhadap budaya orang Melayu terutamanya di desa satu ketika dahulu yang menanam sebatang pokok menandakan kelahiran seorang bayi, sama ada pokok pisang, pinang atau buah-buahan.

Titahnya, amalan itu tanpa disedari menyeimbangkan sistem ekologi secara semula jadi kerana manusia menyedut oksigen dan melepaskan karbon dioksida, sementara pokok menyerap karbon dioksida dan mengeluarkan oksigen.

Baginda turut memuji komitmen bersama Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menanam 633 pokok di sekitar Bandar Diraja Kuala Kangsar sejak Januari lalu.

Melalui usaha permulaan ini, DYMM Paduka Seri Sultan Perak menyeru agar usaha ini disambut oleh semua pihak di seluruh daerah termasuk masjid, surau, institusi pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

"Bermula daripada 633 pokok yang ditanam pada Januari 2020, semoga dapat mencecah angka 10,000 pokok di Kuala Kangsar, dan mencecah 100,000 pokok di seluruh negeri pada Januari 2021.

"Merimbunkan kehijauan di Bandar Diraja ini, dan menghijaukan seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan hendaklah menjadi tanggungjawab kita bersama," titah baginda.

Sebanyak 36 spesis pokok ditanam yang turut terdiri daripada spesis yang kian terancam termasuk Merawan Siput, Beruas, Ara, Kelumpang Burung, *Kopsia Arborea*, Tembusu Tikus, Merlimau, Mata Pelanduk, Asam Gelugor, Sentul, Medang Pasir dan juga Rambai Istana.

Inisiatif penanaman pokok ini juga sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah (NTT) 2020 serta turut selari dengan Fokus Ke-5 agenda Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2020, iaitu "Tindakan Bersama Bagi Menangani Perubahan Iklim" atau *Climate Change* dan ke arah *Perak Green Plan*.

Di samping itu, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu dalam ucapan beliau turut menyatakan usaha kerajaan negeri yang giat dalam mengaplikasikan teknologi mesra alam dan menjadikan negeri Perak sebagai peneraju tindakan menangani perubahan iklim.

"Antaranya adalah dengan memberi fokus kepada penghasilan sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti pemasangan panel solar di premis-premis kerajaan dan syarikat GLC negeri, selain teknologi *waste to energy*.

"Usaha juga sedang digerakkan bagi mewujudkan program wakaf dan sumbangan panel solar untuk masjid-masjid dan rumah ibadat di negeri ini," tambahnya.

Beliau turut menyifatkan usaha tersebut sebagai serampang dua mata untuk menjana pendapatan kepada masjid-masjid dan rumah-rumah ibadat di negeri Perak.

Di samping itu, YAB Menteri Besar Perak turut memaklumkan kerajaan negeri kini dalam usaha menjadikan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas karbon dengan memperkenalkan kenderaan elektrik secara berperingkat.

Sebagai permulaan, kerajaan negeri telah meluluskan sejumlah peruntukan serta menerima bantuan khas peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi menukar kesemua teksi merah jambu di pulau berkenaan dengan van berkuasa elektrik.

Mengakhiri sembah ucapannya, YAB Menteri Besar Perak berharap agar semua pihak dapat bersama-sama menangani perubahan iklim dunia.

"Semoga semua inisiatif Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini akan menjadi satu langkah kecil kepada gerakan massa melibatkan semua pihak untuk bersama-sama bertindak bagi menangani perubahan iklim dunia.
"Justeru, kita perlu bertindak sekarang, agar kita dapat mewariskan sebuah dunia yang selamat untuk didiami oleh generasi akan datang," katanya.

GENERASI MUDA perlu cekal BERSUARA sebagai OPINION MAKERS

TITAH DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK

IPOH, 24 FEBRUARI 2020 – DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah mahu generasi muda Islam cekal bersuara penuhi peranan sebagai *opinion makers* yang berpengaruh.

Baginda bertitah, generasi ini yang akan menjadi penentu kepada arah haluan masa hadapan ummah dan masa hadapan dunia. Generasi ini juga melalui media sosial secara vokal semakin menyuarakan rasa kecewa mereka dengan tafsiran-tafsiran agama yang mereka sifatkan tidak berlandaskan fakta dan hujah-hujah yang saintifik.

"Kumpulan ini berpegang kepada iman (*faith*) dan amat selesa menerima kemodenan (*modernity*). Generasi ini tidak begitu mudah menghadam nilai-nilai tradisi tanpa terlebih dahulu disahihkan dengan fakta dan data, serta dibuktikan relevansi dalam dunia semasa.

"Mereka bukan lagi golongan yang diam bersila di atas tikar, mendengar dan menerima secara pasif, sebarang apa yang diungkapkan. Melalui talian, mereka memiliki sumber-sumber ilmu alternatif, yang membolehkan mereka membuat perbandingan dan penelitian untuk mendapatkan kepastian dan kesahihan," titah Baginda.

Baginda bertitah demikian ketika menyempurnakan perasmian Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertemakan 'Menjunjung Kemuliaan Umat: Sejarah, Wawasan dan Harapan' di Hotel Casuarina@Meru.

Keberangkatan baginda diiringi DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Turut berangkat, DYTM Raja Muda Perak Raja Jaafar Raja Muda Musa; dan DYTM Raja Puan Besar Raja Nazhatul Shima Sultan Idris Shah serta DYAM Raja Dihilir Perak Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris Shah dan DYAM Raja Puan Muda Tunku Soraya Sultan Abdul Halim.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, generasi M memiliki modal intelek, melihat dunia dengan lensa yang lebih luas, secara yang lebih kompleks, dan berpandangan bahawa Islam hendaklah berupaya diterima oleh warga dunia dalam ruang peranan yang lebih lebar dan lebih luas.

"Mereka memilih untuk berperanan sebagai duta Islam, membawa suara kesederhanaan, melihat dunia sebagai pentas berlakunya pertemuan budaya dan bukan pertembungan budaya. Mereka mentafsir kepelbagaian budaya sebagai keindahan yang melambangkan kekayaan ciptaan, dan sebahagian daripada lambang kebesaran ILAHI,"

Baginda turut bertitah, generasi dewasa wajib memahami pemikiran dan jiwa kumpulan generasi M serta hendaklah mengolah pendekatan yang berupaya menjadikan mereka aset penting.

"Generasi dewasa hendaklah menghulurkan segala bantuan dan memberikan segala dorongan agar generasi muda Islam berupaya menjadi tenaga penggerak utama untuk mengangkat martabat ummah.

"Kepada generasi muda Islam, kita bina keyakinan, kita berikan kepercayaan, dan kita letakkan harapan agar mereka berjaya menjulang kemuliaan ummah," titah Baginda lagi.

RUMAH PERAKKU 1
'PROJEK RAIA PERDANA' TERIMA SAMBUTAN HANGAT

GOPENG, 13 JANUARI 2020 - Projek perumahan Rumah Perakku 1 dengan usaha sama antara Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc) dan M K Land Holding Berhad di Gopeng mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pembeli.

YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu berkata, beliau dimaklumkan, sebanyak 137 unit rumah bagi Fasa 1A telah habis dijual dalam tempoh yang singkat kerana harga yang ditawarkan bermula dari serendah RM70,000 seunit.

Beliau turut meyatakan keyakinan beliau terhadap komitmen pihak M K Land dalam membantu kerajaan negeri menyediakan rumah mesra milik dan turut menyeru kepada pemaju-pemaju lain untuk berkerjasama dengan kerajaan negeri dalam pembangunan rumah mesra milik di negeri ini.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada agensi di bawah kerajaan negeri seperti MB Inc., yang telah memberikan komitmen penuh dalam usaha kerajaan negeri merealisasikan sasaran untuk membina sebanyak 50,000 unit rumah mesra milik dalam tempoh lima tahun di seluruh negeri Perak. Ini adalah bertepatan dengan peranan GLC negeri untuk bergerak seiring dengan kerajaan negeri dalam memberikan keadilan sosial kepada rakyat dan bukannya terlalu menumpukan kepada keuntungan perniagaan semata-mata.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Dato Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim dan barisan EXCO kerajaan negeri.

PERANGI WABAK COVID-19:

YAB MB RAYU RAKYAT NEGERI PERAK UNTUK PATUHI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

IPOH, 19 MAC 2020 – Meski pun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 14 hari telah dikuatkuasakan sejak semalam, namun, difahamkan masih ada dalam kalangan rakyat yang tidak mengendahkan perintah tersebut.

Justeru, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu merayu agar rakyat di seluruh negeri Perak untuk sentiasa berada di rumah sepanjang tempoh perintah tersebut dilaksanakan.

Dalam ucapannya, beliau berharap rakyat dapat memahami tujuan utama Kerajaan melaksanakan PKP tersebut yang antaranya untuk memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19.

"Saya harap rakyat semua benar-benar faham tindakan kerajaan mengeluarkan perintah kawalan pergerakan ini untuk kebaikan kita semua selain daripada untuk menjaga diri kita sendiri daripada dijangkiti virus wabak yang mengancam nyawa ini.

"Ianya juga perlu dibuat untuk memutuskan rantaian penularan wabak ini," ujar beliau.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PPPKP) Negeri Perak Bil1/2020 yang berlangsung di Pejabat Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Perak, pagi tadi.

Turut hadir, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim dan Pengarah MKN Negeri Perak, Tuan Khairul Ridzuan bin Hj Mat Said.

Mesyuarat ini akan diadakan secara berkala bersama ketua agensi yang telah dikenal pasti dan dalam masa yang sama pihak agensi juga perlu mengadakan mesyuarat dalaman masing-masing dalam skala yang kecil.

Selain dimaklumkan MKN Negeri Perak menjadi "*command centre*" bagi negeri ini, sebarang perkongsian maklumat dari agensi-agensi terlibat akan turut diselaraskan di peringkat Jawatankuasa (PPPKP) Negeri Perak yang juga merupakan jawatankuasa tertinggi di peringkat negeri.

Di samping itu, jawatankuasa ini juga akan berperanan untuk memanjangkan bantuan ihsan dari kerajaan negeri kepada petugas barisan hadapan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) dan RELA.

Melalui mesyuarat ini juga, YAB Menteri Besar Perak memutuskan sekiranya ada agensi yang terlibat dengan wabak COVID-19, proses pembersihan (*thermal cleaning*) merupakan tanggungjawab setiap agensi dan pemantauan pelaksanaan hendaklah dibantu oleh Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah.

Sistem e-Penghulu

Dilancarkan untuk Pejabat Penghulu Mukim di Seluruh Negeri Perak

IPOH, 22 JANUARI 2020 – Majlis Pelancaran Sistem e-Penghulu Pejabat Penghulu Mukim Negeri Perak telah disempurnakan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim di Bilik Gerakan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan, sebentar tadi.

Sistem e-Penghulu ini telah siap dibangunkan sepenuhnya pada bulan Disember 2019 dan mula diguna pakai di 78 Pejabat Penghulu Mukim seluruh negeri Perak pada 20 Januari 2020.

Antara objektif sistem ini dibangunkan adalah bertujuan untuk memperkukuh dan memperkasa penyampaian perkhidmatan awam; memudahkan warga kerja pentadbiran mukim berurusan dengan pelanggan; mempercepatkan proses penyimpanan rekod; menjana laporan bagi tujuan analisis maklumat; memaparkan laporan yang terkini bagi tujuan pemantauan dan menjadi bahan rujukan yang berautoriti dan berintregiti secara digital.

Turut hadir adalah YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Tuan Azmir Shah bin Zainal Abidin ; YB Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Zulazlan bin Abu Hassan; YBrs Timbalan Setiausaha Kerajaaan Negeri Perak (Pengurusan), Puan Nor Sham binti Rahman; YBrs Timbalan Setiausaha Kerajaaan Negeri Perak (Pembangunan), Tuan Haji Mu'az bin Haji Zawawi dan Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat, Puan Fatimah binti Ghazali.

Semasa majlis pelancaran tersebut, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim turut menyerahkan Dokumen Manual Pengguna kepada Encik Ekmal Hidir in Mohamed Mokhtar, Setiausaha Persatuan Penghulu Negeri Perak sebagai simbolik pelancaran.

Sistem ini telah dibangunkan menggunakan Peruntukan Pembangunan Projek ICT P05 tahun 2019 dengan kerjasama di antara Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan penghulu-penghulu di negeri Perak.

Diharapkan dengan adanya sistem ini akan dapat meningkatkan lagi tahap penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai terutamanya yang datang berurusan di Pejabat Penghulu Mukim di seluruh negeri Perak.

Sesi Penyampaian Sijil Penghargaan Prestasi Cemerlang Jabatan-Jabatan Negeri Perak

IPOH, 6 FEBRUARI 2020 - YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Perak, Puan Nor Sham binti Rahman telah menyempurnakan sesi penyampaian sijil kepada semua jabatan dan agensi yang telah mencapai prestasi cemerlang (100%) bagi tahun 2019 yang melibatkan isu-isu pengurusan bagi jabatan-jabatan negeri.

Isu-isu pengurusan yang diambil kira adalah Pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Penyediaan MyPortfolio, Pelaksanaan Tujuh (7) Hari Berkursus, Penyelesaian Aduan Awam dan Pematuhan Terhadap Kriteria Sistem Pemantauan Laman Web dan Servis Kerajaan (SPLaSK).

Sesi penyampaian sijil ini diadakan bersempena Mesyuarat Pemantauan Isu-Isu Pengurusan Di Bawah YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang diadakan secara berkala setiap tahun melibatkan 71 jabatan termasuk jabatan negeri, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) dan Badan Berkanun Negeri.

Management Retreat

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan 2020

PUTRAJAYA, 17 FEBRUARI 2020 – YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi berharap penganjuran Management Retreat SUK Perak dapat menjadi titik perubahan pentadbiran selaras dengan visi dan misi yang terkini.

Beliau berkata sedemikian dalam ucapan ketika menyempurnakan Management Retreat SUK Perak di Putrajaya yang berlangsung selama tiga hari mulai 14 Februari lalu.

Program ini dianjurkan bertujuan untuk menetapkan hala tuju serta membangunkan Pelan Strategik 2021 – 2025 Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak Darul Ridzuan sejajar dengan Pelan Pembangunan Negeri yang terkini.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Puan Nor Sham binti Rahman dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Tuan Haji Mu'az bin Haji Zawawi.

Program ini telah disertai oleh barisan Ketua Jabatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak serta Pegawai Penyelaras Pelan Strategik SUK Perak.

Penyelaras Pelan Strategik SUK Perak turut dibantu oleh tiga fasilitator jemputan dari MAMPU.

'TAKE PRIDE AND TAKE OWNERSHIP' Jadi KEUTAMAAN Penjawat Awam

IPOH, 12 MAC 2020 – Penjawat awam perlu komited dalam menjalankan amanah serta harus selaras dengan hala tuju yang ditetapkan pengurusan tertinggi kerajaan negeri.

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim dalam ucapannya menekankan fokus keempat dalam Amanat Tahun Baru 2020 yang disampaikan YAB Menteri Besar Perak iaitu '*Take Pride and Take Ownership*'.

"Sebagai penjawat awam, kita tidak dapat lari daripada menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan pada kita.

"Hal ini juga perlu selaras dengan hala tuju yang ditetapkan oleh pentadbiran tertinggi atau pengurusan tertinggi kerajaan iaitu fokus keempat Amanat Tahun Baru 2020 yang disampaikan oleh YAB MB, prinsip *Take Pride and Take Ownership* perlu diserapkan dan menjadi keutamaan kita dalam menjalankan amanah" katanya.

Beliau berucap sedemikian semasa menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 & Budimu Disanjung 2020 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak yang berlangsung di Hotel M Roof, Ipoh, pagi tadi.

Turut hadir, YBhg. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak, Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Anuar Bin Othman.

Majlis tersebut meraikan 84 orang penerima anugerah cemerlang sepanjang tahun 2019 dan 47 orang pesara dari setiap daerah pada tahun ini.

Dalam pada itu, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak turut menambah bahawa kerajaan negeri sentiasa menghargai budaya kerja cemerlang dan berharap pengiktirafan sebegini dapat mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan penjawat awam.

"Penganugerahan ini diberikan sebagai pendorong anggota perkhidmatan awam untuk terus berusaha dengan lebih gigih dalam mencapai aspirasi kerajaan.

"Pengiktirafan ini juga dapat mewujudkan persaingan yang sihat dalam membuktikan keupayaan diri masing-masing yang secara langsung akan memberikan pencapaian perkhidmatan yang terbaik," katanya.

IPOH DESTINASI PERTAMA

HARI KOMUNITI NEGARA

#HariKomunitiNegara

IPOH, 29 FEBRUARI 2020 - Ipoh menjadi lokasi pertama penganjuran Hari Komuniti Negara sejak Dasar Komuniti Negara dilancarkan pada tahun lepas.

Lebih 5,000 pengunjung telah memeriahkan Sambutan Hari Komuniti Negara yang dianjurkan di Stadium Indera Mulia, Ipoh selama dua hari sejak 28 Feb.

Mengenai sambutan ini, YBhg. Ketua Setiausaha KPKT, Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek berkata program ini diadakan bertujuan menghargai sumbangan serta kerjasama rakan-rakan strategik daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta institusi pengajian tinggi yang telah berusaha membantu memperkasa serta mendaya upaya komuniti.

"Sambutan ini secara tidak langsung akan dapat memberi pendedahan dan hebahan kepada seluruh rakyat Malaysia supaya sentiasa meneruskan usaha untuk menjadikan komuniti sebagai golongan sasar yang utama dalam agenda pembangunan negara.

"Kami juga menyeru rakan strategik yang berpotensi untuk sama-sama menjayakan pelaksanaan Dasar Komuniti Negara dan dengan langkah ini, kesejahteraan komuniti perumahan di bandar terutamanya dalam kalangan golongan B40 akan lebih berdaya maju dan sejahtera secara holistik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian sempena Hari Komuniti Negara yang turut dihadiri YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim di sini, hari ini.

Sempena sambutan ini, sebanyak 70 pempamer melibatkan 32 agensi kerajaan swasta telah turut serta dalam usaha menyebar luas informasi kepada masyarakat.

Antara lainnya, turut diberi penekanan adalah pameran pencapaian dan kejayaan aktiviti atau program yang telah dianjurkan oleh persatuan penduduk Projek Perumahan Rakyat bersama rakan strategik.

Usaha ini adalah salah satu langkah mendorong persatuan penduduk PPR lain untuk turut serta dalam menggiatkan aktiviti serta program komuniti dengan lebih rancak lagi dan secara tidak langsung menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan Dasar Komuniti Negara.

Selain itu, dalam ucapan perasmiannya, Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek turut mengulas tentang perancangan KPKT untuk mengembangkan Pusat Inisiatif Komuniti Sifar Sisa (ZeComm) di semua 19 buah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang telah mempunyai Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti.

Ia antara usaha bagi memupuk amalan kitar semula dalam kalangan anggota komuniti di samping memberi pulangan kepada individu yang aktif melaksanakan inisiatif berkenaan.

"Sebelum ini sebanyak lima Pusat ZeComm sudah ditubuhkan di PPR Kota Bharu, Kelantan; PPR Lembah Subang 2, Selangor; PPR Tehel, Melaka; PPR Senawang, Negeri Sembilan; dan Rumah Pangsa Jalan Hospital, Ipoh Perak.

"Jadi, bagi menyebar luas program ini, kita merancang untuk mengembangkan Pusat Komuniti Sifar Sisa (ZeComm) di semua 19 Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang sudah mempunyai Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti," katanya.

Awas COVID-19

MOH KITE BERSAMA-SAMA MEMUTUSKAN RANTAIAN PENULARAN COVID-19

Makluman Operasi Bilik Gerakan
COVID-19 Negeri Perak

Hotline : 05-2413064, 05-2413062

Terbitan Oleh :
Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Emel : prosuk@perak.gov.my
Tel : 05-209 5000 / ext 5198